TERAS STRATEGIK 1:

MENDAYA UPAYA BAKAT - MENINGKATKAN KOMPETENSI, PRESTASI, PRODUKTIVITI DAN DAYA INOVASI

| Inisiatif Strategik | Keterangan | KPI/Output | Outcome |
|---|---|---|---|
| Nama Inisiatif:<br>**Pendedahan Ilmu Dalam Perkhidmatan**<br><br>Tarikh:<br>(a) Mula: Februari 2016<br>(b) Siap: Disember 2016<br><br>Tindakan:<br>JLM/DCA/MIROS/JPJ | **Pernyataan Keperluan:**<br>Memperkukuhkan Kompetensi Kepimpinan Dalam Merancang, Menggubal Dan Melaksanakan Dasar Pengangkutan<br>**Objektif:**<br>Pendedahan kepada proses perundingan di peringkat nasional dan antarabangsa<br>**Keterangan:**<br>Program penempatan bagi pegawai gred 41 hingga 52 antara kementerian dan jabatan/ agensi di bawah MOT, agensi pengangkutan dalam dan luar negara | Bilangan program penempatan<br><br>1. JLM : Menempatkan seorang pegawai di Recognise Organisation (RO). (3 Bulan)<br><br>2. JLM : Menempatkan seorang pegawai di Syarikat Membina Kapal secara sepenuh masa. Disamping JLM juga menempatkan projek team tetap dan projek team giliran dan jumlah keseluruhan pegawai adalah seramai 20 orang yang akan mendapat manafaat. cadangan Industri: (Muhibah Engineering) (1 tahun)<br><br>3. JPJ: 1 orang Gred N27 ke JKJR dan 3 orang pegawai gred J27/29,41/44 ke MIROS. (6 bulan)<br><br>4. DCA : Malaysia Airline Berhad dan RAYA Airways menempatkan pegawai di DCA | 1. Meningkatkan kepakaran pegawai dalam bidang pemeriksaan dn audit keselamatan kapal.<br><br>2. Memberi pengetahuan tentang pengurusan projek dan pembinaan kapal.<br><br>3. Meningkatkan kepakaran pegawai di dalam agensi awam yang lain yang berkaitan dengan pengangkutan darat.<br><br>4. Meningkatkan kawal seliaan ke atas Kabin Crew dan ground handling operator. |
| Nama Inisiatif:<br>***Transport Knowledge Management***<br><br>Tarikh:<br>(c) Mula: Mac 2016<br>(d) Siap: Disember 2016<br><br>Tindakan:<br>JLM/JKJR | **Pernyataan Keperluan:**<br>Perkongsian pengalaman secara pengkisahan sejarah/ Pengurusan Krisis daripada personaliti unggul dalam industri pengangkutan dari dalam dan luar negara.<br><br>**Objektif:**<br>Mewujudkan kepakaran dalam bidang utama di Kementerian Pengangkutan<br>**Keterangan:**<br>Penganjuran program/ sesi perkongsian ilmu | **Tema yang telah ditetapkan bagi tahun 2016 adalah : Keselamatan**<br><br>Siri 1- Forum: Keselamatan penumpang dan kenderaan di jalan raya.<br><br>Siri 2- Ceramah : Kepentingan Protection & Indemnity Club Malaysia dari aspek keselamatan di laut. | Memantapkan kompetensi pegawai-pegawai melalui perkongsian pengalaman dan maklumat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Inisiatif:<br>*Building Experts*<br><br>Tarikh:<br>(e) Mula: Februari 2016<br>(f) Siap: Ogos 2016<br><br>Tindakan:<br>JLM/DCA/JPJ | **Pernyataan Keperluan:**<br>JLM ,JPJ dan DCA perlu mengenalpasti pegawai-pegawai yang dikategorikan sebagai pakar.<br><br>Objektif:<br>i. Memudahkan rujukan ketika berlaku sesuatu insiden<br>ii. Mewujudkan kepakaran dalam bidang utama di Kementerian Pengangkutan<br><br>Keterangan :<br>Menyediakan Direktori Pakar On Call mengikut sektor pengangkutan | Direktori Pakar On Call | i. Memudahkan pihak MOT membuat rujukan dan mendapat khidmat nasihat daripada pakar mengenai sesuatu insiden yang berlaku yang melibatkan MOT.<br><br>ii. Menjimatkan masa. |

TERAS STRATEGIK 2:
MEREKAYASA ORGANISASI - MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN MEREKAYASA ORGANISASI PERKHIDMATAN AWAM

| Inisiatif Strategik | Keterangan | KPI/Output | Outcome |
|---|---|---|---|
| Nama Inisiatif:<br>*Malaysian Transportation Safety Board (MTSB)*<br><br>Tarikh:<br>(a) Mula: Januari 2016<br>(b) Siap: Disember 2016 (Fasa 2 Penubuhan)<br><br>Tindakan:<br>MIROS/BPSA/PUU | Pernyataan keperluan:<br>i - Malaysia digemparkan beberapa insiden kemalangan dan tragedi yang melibatkan pengangkutan darat (jalan dan rel), maritim (termasuk pengangkutan sungai) dan udara.<br>ii - Kekurangan pemantauan terhadap cadangan penambahbaikan berkaitan keselamatan pengangkutan.<br>Objektif inisiatif:<br>• Penyiasatan bebas, telus dan berkesan yang memfokuskan kepada keselamatan pengangkutan darat, maritim dan udara bertujuan memulihkan keyakinan orang awam dan mengenal pasti ruang penambahbaikan dalam keselamatan sistem pengangkutan.<br>• Pemantauan yang berterusan, telus dan saksama terhadap pelaksanaan penambahbaikan sistem pengangkutan secara menyeluruh dan berkesan<br>• Penyelidikan berimpak tinggi serta pembangunan pengetahuan dan maklumat keselamatan bagi penambahbaikan berterusan ke arah | Penubuhan MTSB | 1. Pemusatan siasatan kemalangan bagi sektor pengangkutan;<br>2. Meningkatkan kecekapan proses siasatan; dan<br>3. Mengoptimakan penggunaan sumber manusia dan kewangan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | sistem pengangkutan yang lebih selamat, efisien dan efektif dengan mengambil kira faktor mesra alam<br><br>• Pelaksanaan advokasi yang berkesan kepada pihak berkepentingan berkaitan syor-syor penambahbaikan hasil daripada penyiasatan dan penyelidikan yang dijalankan.<br><br><u>Keterangan:</u><br><br>Fasa 1 : Penyediaan kertas konsep dan draf undang-undang diselesaikan di peringkat Kementerian. | | |
| <u>Nama Inisiatif:</u><br>*Aviation Authority of Malaysia (CAAM)*<br><u>Tarikh:</u><br>(a) Mula: Januari 2016<br>(b) Siap: 31 Disember 2016 (Fasa 2 Penubuhan)<br><br><u>Tindakan:</u><br>DCA/BU | <u>Pernyataan Keperluan:</u><br>CAAM perlu ditubuhkan untuk menjalankan fungsi kawal selia dan meningkatkan keselamatan pengangkutan penerbangan awam (Safety and Security) supaya ia lebih efektif.<br><br><u>Objektif</u><br>1. Meningkatkan keselamatan dan kawalan sistem penerbangan awam negara<br>2. Menyediakan perkhidmatan penerbangan awam yang efektif<br>3. Mewujudkan badan kawal selia yang bebas dan mempunyai kuasa autonomi<br>4. Meningkatkan daya saing penerbangan awam negara<br><u>Keterangan</u><br>CAAM perlu ditubuhkan untuk menjalankan fungsi kawal selia dan meningkatkan keselamatan pengangkutan penerbangan awam (*Safety and Security*) supaya ianya lebih efektif. | 1. Penubuhan CAAM | • Pematuhan kehendak dan piawaian ICAO dalam mengelak percanggahan fungsi-fungsi (conflict of interest) di antara kawal selia dan menyediakan perkhidmatan<br>• CAAM sebagai pengawalselia aspek keselamatan (*safety* and *security)* penerbangan awam yang unggul di peringkat antarabangsa<br>• Mengukuhkan elemen pengawalseliaan aspek keselamatan (*safety* and *security)* penerbangan awam dan perkhidmatan kawalan trafik udara<br>• Meningkatkan prestasi dan membaiki kelemahan dalam prestasi *safety* dan *security* penerbangan awam; |
| <u>Nama Inisiatif:</u><br>~~SOP Pelaksanaan dan Pemantauan Projek/~~ - telah digugurkan<br>Aktiviti<br><u>Tarikh:</u><br>a) Mula: Januari 2016<br>b) Siap: Feb 2016 | <u>Pernyataan Keperluan:</u><br>Membangunkan *Quality Management System (QMS)* perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek di Kementerian Pengangkutan<br><u>Objektif:</u><br>Memastikan projek/aktiviti kementerian dilaksanan dan dipantau secara tersusun, selamat, menepati piawaian yang ditetapkan dan juga mengikut lunas undang-undang atau ketetapan-ketetapan am lainnya.<br><br><u>Keterangan:</u> | 1. Proses pelantikan perunding<br>2. Sistem QMS dibangunkan | 3. Pemilihan projek lebih telus berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan<br>4. Sistem perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek yang lebih cekap dan integrity |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Tindakan:<br><br>Bahagian Pembangunan | Hanya projek pembangunan MOT yang diluluskan skop, kos dan siling projek serta disediakan siling peruntukan dan peruntukan tahunan oleh Kementerian Kewangan akan dilaksanakan dan dipantau oleh kementerian. | | |
| <u>Nama Inisiatif:</u><br><br>*Big Data* Pengangkutan<br><br>1) Feasibility Study<br><br><u>Tarikh:</u><br><br>(a) Mulai: Januari 2016<br><br>(b) Siap: Jun 2016<br><br><u>Tindakan:</u><br><br>MOT (Bahagian Pengurusan Maklumat) | <u>Pernyataan Keperluan:</u><br><br>MOT perlu mempunyai sistem yang membolehkan maklumat pengangkutan (Darat, Udara, Maritim) diakses dengan mudah, cepat, data yang boleh dipercayai dan tepat. Disamping itu, maklumat pengangkutan akan diintegrasikan dan boleh dikongsi oleh semua pihak berkepentingan.<br><br><u>Objektif:</u><br><br>Membangunkan *Big Data* Pengangkutan yang akan:<br><br>• meningkatkan keupayaan MOT dalam membuat keputusan mengenai perancangan dan pelaksanaan dasar, program dan aktiviti berkaitan sektor pengangkutan;<br><br>• Mengeluarkan “trend analisis” berkaitan maklumat pengangkutan;<br><br>• membantu Kerajaan dalam membuat keputusan berkaitan pengangkutan berasaskan fakta dan data;<br><br>• pembangunan kepakaran pegawai MOT dalam *Big Data*; dan<br><br>• menyahut keperluan kritikal agenda transformasi negara.<br><br><u>Keterangan:</u><br><br>1. Mewujudkan *Big Data* Pengangkutan dengan :<br><br>• Mengintegrasikan maklumat pengangkutan ketiga-tiga teras utama MOT;<br><br>• Pengurusan Maklumat Modal Insan dalam Industri / Sektor Pengangkutan<br><br>2. Menjadikan Kementerian sebagai sumber rujukan utama (one-stop-center) maklumat pengangkutan di peringkat agensi kerajaan, badan berkanun, swasta dan orang awam serta di peringkat antarabangsa. | 1. Menghasilkan feasibility study bagi membangunkan hasil kajian big data pengangkutan secara menyeluruh. (Sektor Maritim – Pelabuhan-pelabuhan, MIMA, JLM, dll) | 1. *One stop center* berkaitan maklumat sektor pengangkutan;<br><br>2. Meningkatkan kecekapan perkongsian maklumat pihak-pihak yang berkepentingan; dan<br><br>3. Menghasilkan analisis maklumat pengangkutan dalam melaksanakan perancangan, pengurusan, peramalan aktiviti pengangkutan bagi sektor darat, sektor maritim dan sektor udara |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Inisiatif<br>*National Logistic Database*<br>Tarikh:<br>(c) Mula: Januari 2016<br>(d) Siap: Disember 2016<br>Tindakan:<br>MOT (Bahagian Logistik/ BPSA) | Pernyataan Keperluan:<br>MOT dilantik sebagai peneraju dalam bidang logistic dan fasilitasi perdagangan negara<br>Objektif:<br>*1. Availability of data to support evidence based planning and resource management.*<br>*2. Accessibility of data for public usage.*<br>Keterangan:<br>Pengwujudan pengkalan data yang mempunyai informasi tentang pemain industri dan data-data berkaitan perkhidmatan logistik.. | • Menghasilkan Kertas Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pengumpulan Maklumat Logistik Negara yang terdiri dari pelbagai agensi seperti DCA, JLM, JPJ, MITI, JKDM, DOSM, MPC,SPAD, JKR, LLM, KTMB, PAK, MAHB,MITRANS SYARIKAT PENERBANGAN, PELABUHAN, TRANSPORT INDUSTRI PLAYER, DLL) .<br>• Kompilasi input maklumat logistik negara | 1. *One stop centre* untuk logistic<br>2. Meningkatkan kecekapan perkongsian maklumat pihak-pihak yang berkepentingan.<br>3. Inisiatif ini juga akan menyokong Teras Strategik 5 RMK-11: Memperkukuhkan infratsruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi - memperkukuhkan ketersambungan merentasi pelbagai mod pengangkutan dan wilayah. |

TERAS STRATEGIK 3:
MERAKYATKAN PERKHIDMATAN - MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

| Inisiatif Strategik | Keterangan | KPI/Output | Outcome |
|---|---|---|---|
| <u>Nama Inisiatif:</u><br>*Pembaharuan Lesen Kenderaan Motor Atas Talian*<br><br><u>Tarikh:</u><br>(a) Mula: Januari 2016<br>(b) Siap: Disember 2016<br><br><u>Tindakan:</u><br>MOT/JPJ | <u>Pernyataan Keperluan:</u><br>Inisiatif bagi membolehkan pembaharuan LKM dibuat secara online melalui portal JPJ dan disc LKM akan dihantar secara pos laju kepada pemilik kenderaan mengikut alamat yang diisytiharkan dalam pengkalan data JPJ.<br><u>Objektif:</u><br>(i) Mempelbagaikan dan memperbanyakkan saluran perkhidmatan pembaharuan LKM kepada para pelanggan selain daripada pejabat-pejabat JPJ sedia ada.<br><br>(ii) Memudahkan orang awam untuk mendapatkan perkhidmatan memperbaharui LKM tanpa perlu ke kaunter JPJ.<br><br><u>Keterangan:</u><br><br>(i) Pembangunan sistem bagi membolehkan pembaharuan LKM dibuat secara atas talian.<br><br>(ii) Kerjasama antara JPJ dan syarikat penghantaran untuk menjalankan perkhidmatan penghantaran dengan selamat dan telus.<br><br>(iii) Statistik pembaharuan LKM dilakukan di kaunter JPJ, pejabat POS dan melalui portal myEG dari tahun 2011 sehingga 2014: | (i) Meningkatkan penyampaian dan kebolehcapaian perkhidmatan kepada rakyat.<br><br>Jangkaan tahun pertama sebanyak 10% (1,403,235 transaksi) daripada pembaharuan LKM yang dibuat melalui kaunter JPJ dan POS dilakukan secara atas talian dan memberikan penambahan pendapatan RM3,367,764 dan akan meningkat 3% untuk setiap tahun berikutnya. | (i) Mengurangkan karenah birokrasi dan menyemak semula peraturan yang telah lapuk<br>(ii) Menyediakan sistem perkhidmatan awam yang bermotivasi tinggi dan kraetif<br>(ii) Mengurangkan kesesakan di kaunter-kaunter perkhidmatan |
| <u>Nama Inisiatif:</u><br>*MyLesen*<br><br><u>Tarikh:</u><br>a) Mula: Januari 2016<br>b) Siap: Disember 2016<br><br><u>Tindakan:</u><br>JPJ | <u>Pernyataan Keperluan:</u><br>Medium untuk menggerakkan pendidikan keselamatan jalan raya kepada penunggang motosikal tentang keperluan memiliki lesen memandu yang sah<br><u>Objektif:</u><br>Satu inisiatif yang bertujuan untuk melahirkan penunggang motorsikal yang kompeten dan patuh kepada undang-undang. Program ini disasarkan kepada golongan muda khususnya di kawasan bandar.<br><u>Keterangan:</u><br><u>Syarat-syarat penyertaan MyLesen adalah seperti berikut:</u> | Mensasarkan sebanyak 80,000 ribu bilangan peserta. | 1. Mengurangkan kadar kemalangan jalan raya penunggang motosikal khususnyamembabitkan golongan muda berusia 16 – 25 tahun<br><br>2. Mengurangkan bilangan penunggang motosikal tanpa lesen memandu yang sah.<br><br>3. Menanam rasa hormat (respect of law) dan patuh kepada undang-undang sebagai budaya selamat oleh penunggang motosikal |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 1. Program MyLesen hanya melibatkan calon yang telah mendaftar dalam borang yang ditetapkan dan disahkan telah membuat bayaran kepada pihak IM sahaja.<br><br>2. Tempoh pendaftaran 1 BULAN. Semua calon berdaftar perlu diselesaikan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh pendaftaran.<br><br>3. Semua 205 buah IM yang beroperasi akan terlibat bagi program MyLesen N dan senarai calon yang didaftarkan perlu dikemukakan kepada JPJ Negeri.<br><br>4. Calon yang layak menyertai Program myLESEN hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap seperti berikut:<br><br>i. Semenanjung Malaysia,Sabah dan Sarawak - calon yang berusia 16 ke atas.<br><br>ii. Semua pemohon hendaklah bermastautin di negeri di mana program myLESEN diadakan dan belum mempunyai sebarang kelas lesen memandu. | | |

TERAS STRATEGIK 4:
MERANGKUM DAN SEPUNYA - MEMPERLUAS JARINGAN KERJA DAN KOLABORASI STRATEGIK DI DALAM DAN LUAR NEGARA

| Inisiatif Strategik | Keterangan | KPI/ Output | Outcome |
|---|---|---|---|
| Nama Inisiatif:<br>*Jalinan Mesra MOT 2016*<br><br>Tarikh:<br>a) Mula: Januari 2016<br>b) Siap: Disember 2016<br><br>Tindakan:<br>BPK/ UKK | Pernyataan Keperluan:<br>*Public engagement* dengan orang awam dan pihak-pihak yang berkepentingan:<br>Objektif:<br>Program berkonsepkan turun padang/ bertemu pelanggan untuk menawarkan perkhidmatan secara terus kepada golongan sasar/ rakyat secara **NBOS dengan penglibatan dan kerjasama penuh daripada semua Jabatan/ Agensi di bawah MOT termasuk agensi Kerajaan, swasta dan NGO.**<br><br>Keterangan:<br>Hari Terbuka MOT akan menghimpunkan aktivti dan pameran oleh:<br>Agensi Dalaman:<br>i. JPJ;<br>ii. JLM;<br>iii. DCA;<br>iv. JKJR;<br>v. LPJ;<br>vi. LPK;<br>vii. LPKtn;<br>viii. SPPP;<br>ix. LPB;<br>x. MIROS; dan<br>xi. PAK.<br>Agensi Luaran:<br>i. Kementerian/ Jabatan/ Agensi lain;<br>ii. Syarikat operator di bawah Jabatan/ Agensi berkaitan; dan<br>iii. Syarikat swasta. | Sekurang-kurangnya **satu (1) kali setahun.** | i. Mengukuhkan hubungan strategi antara Kerajaan Negeri & PBT;<br><br>ii. Merapatkan jurang dan menjalinkan persefahaman dengan stakeholder; dan<br><br>iii. Meningkatkan perhubungan dan komunikasi dengan pelanggan (industri, pelajar, akedemia dan GLC).<br><br>iv. Memperluaskan pendekatan NBOS dan smart-partnership dengan pihak-pihak berkaitan. |

TERAS STRATEGIK 5:
MEMBUDAYA NILAI - MEMBUDAYAKAN PATRIOTISME, NILAI-NILAI MURNI, ETOS DAN INTEGRITI

| Inisiatif Strategik | Keterangan | KPI/Output | Outcome |
|---|---|---|---|
| 1. <u>Nama Inisiatif:</u><br>PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH JPJ<br><br>Tarikh:<br>i) Mula: Jan 2016<br>ii) Siap: Jun 2016<br><br>Tindakan:<br>i) Lead Agency: Bahagian Integriti JPJ<br>ii) Supporting Agency: Bahagian-Bahagian JPJ | <u>Pernyataan Keperluan</u><br>i. SOP yang tidak dikemaskini/ tiada SOP membuka ruang/ peluang kepada penyelewengan dan rasuah.<br>ii. Sistem tiada sekatan bagi sesetengah urusniaga yang berisiko tinggi.<br><br><u>Objektif Inisiatif Strategik:</u><br>i. Mengurangkan pendedahan kepada manupulasi dan peluang untuk penyelewengan dan rasuah berlaku di Bahagian-bahagian JPJ yang berisiko tinggi.<br>ii. Mengenalpasti tindakan mitigasi yang spesifik dalam menangani penyelewengan dan rasuah di JPJ.<br><u>Keterangan:</u><br>Proses Pelaksanaan:<br>i. Bengkel Penyediaan Draf CRM JPJ Bersama SPRM<br>ii. Sesi Penilaian Draf Pelan CRM JPJ<br>iii. Sesi Libat Urus Bersama Swasta, NGO Dan Lain-Lain Individu Jemputan.<br>iv. Pelancaran Pilot Projek Pelaksanaan CRM JPJ Di Wilayah Persekutauan KL Dan Selangor (Tempoh Pengujian Dan Keberkesanan)<br>v. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu CRM<br>vi. Proses Penyediaan Dan Percetakan Buku Pelan Pengurusan Risiko Rasuah JPJ Malaysia<br>vii. Pelancaran Pelan Pengurusan Risiko Rasuah JPJ Malaysia | Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) | Mewujudkan persekitaran kerja yang bebas dari penyelewengan dan rasuah. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. Nama Inisiatif<br><br>*TRAIN-NET*<br><br>Tarikh<br><br>i) Mula : Jan 2016<br>ii) Siap : Jun 2016<br><br>Tindakan<br><br>i) Lead Agency: Unit Integriti, MOT<br>ii) Supporting Agency: MAVA, ILPPPL dan APJ | <u>Pernyataan Keperluan</u><br>Mewujudkan kerjasama membangunkan modul integriti Kementerian antara Institusi-institusi Latihan Kementerian.<br><br><u>Objektif Inisiatif Strategik:</u><br>Mengaplikasikan integriti di kalangan pegawai-pegawai di Kementerian / Jabatan / Agensi.<br><br><u>Perincian Inisiatif Strategik:</u><br>i. Mewujudkan modul integriti kementerian yang bakal dilaksanakan dan merangkumi nilai integriti di Kementerian/Jabatan/Agensi.<br>i) Program pendedahan kepada nilai integriti akan diwajibkan di semua kursus yang bakal diadakan di Kementerian/Jabatan/Agensi dengan slot tempoh selama 2 jam.<br><br>Proses Pelaksanaan:<br><br>i. Membangunkan draf modul integriti yang standard<br>ii. Membangunkan draf kit Modul Integriti Kementerian<br>iii. Memuktamadkan modul integriti dan kit integriti<br>iv. Sesi penyerahan kit dan taklimat modul integriti Kementerian (APJM, ILPPPL & MAvA) | Membangunkan modul dan kit integriti Kementerian yang standard | Peningkatan nilai integriti di kalangan pegawai Kementerian / Jabatan / Agensi |

**CADANGAN CARTA PERBATUAN PENUBUHAN MTSB**

| Perkara | Tahun 2016 | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Aug | Sept | Okt | Nov | Dis |
| Deraf RUU disemak oleh AGC | **15/1** | | | | | | | | | | | |
| Deraf RUU diluluskan AGC | | **15/2** | | | | | | | | | | |
| Pohon Ulasan MJM (Agensi berkaitan) | | | **2/3** | | | | | | | | | |
| Bentang MJM | | | **16/3** | | | | | | | | | |
| Bacaan kali pertama di Parlimen | | | | **6/4** | | | | | | | | |
| Bacaan kali kedua di Parlimen | | | | **7/4** | | | | | | | | |
| Engagement dengan Agensi Pusat (JPA & MOF) | | **01 / 2 – 1/5** | | | | | | | | | | |
| Permohonan Penstrukturan Semula MTSB | | | | | | **1/6 – 1/10** | | | | | | |
| Penubuhan Pasukan Interim MTSB | | | | | | | | | | | **1/11 – 1/12** | |

**CADANGAN CARTA PERBATUAN HARI TERBUKA MOT 2016**

| BIL. | PERKARA | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat Task Force Teras 4 Bilangan 1 | | | | | | | | | | | | |
| 2 | Penyediaan Kertas Cadangan Program | | | | | | | | | | | | |
| 3 | Penubuhan Jawatankuasa Induk Program | | | | | | | | | | | | |
| 4 | Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bilangan 1 | | | | | | | | | | | | |
| 5 | Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bilangan 2 | | | | | | | | | | | | |
| 6 | Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bilangan 3 | | | | | | | | | | | | |
| 7 | Raptai Program | | | | | | | | | | | | |
| 8 | **Pelaksanaan Program** | | | | | | | | | | | | |
| 9 | Penilaian Program | | | | | | | | | | | | |

## CADANGAN CARTA PERBATUAN
## INISIATIF TERAS 5: TRAIN-NET

| BIL. | PERKARA | TAHUN 2016 | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | AUG | SEP | OKT | NOV | DIS |
| 1. | Membangunkan draf modul integriti yang standard | | | | | | | | | | | | |
| 2. | Membangunkan draf kit Modul Integriti Kementerian | | | | | | | | | | | | |
| 3. | Memuktamadkan modul integriti dan kit integriti | | | | | | | | | | | | |
| 4. | Sesi penyerahan kit dan taklimat modul integriti Kementerian<br><br>(APJM, ILPPPL & MAvA) | | | | | | | | | | | | |